

Malam Budaya India eratkan pelajar UMS-KAL

4M 28.03.2012 26

KOTA KINABALU 27 Mac - Malam Budaya India 2012 anjuran pelajar India Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) disifatkan sebagai platform terbaik menyemarakkan kepelbagaiannya budaya di negeri Sabah.

Pengerusi MIC Sabah, Datuk V. Jothi berkata, meskipun sibuk dengan pembelajaran dan aktiviti sehari-hari sebagai mahasiswa, namun pelajar kaum India di kampus tersebut tidak melupakan tanggungjawab mereka terhadap aktiviti sosial.

Katanya, semangat menganjurkan malam budaya tersebut bukan sahaja dapat menjalinkan hubungan lebih rapat di kalangan masyarakat India, tetapi ia juga memberi peluang kepada kaum lain mengenali lebih rapat budaya kaum India yang sememangnya terkenal dengan pelbagai keunikan.

"Para pelajar seharusnya berasa bangga dengan usaha mereka menganjurkan malam kebudayaan ini kerana ia dilihat dapat mengkekalkan warisan zaman-berzaman kaum India, malah mengeratkan lagi hubungan dengan kaum lain di negeri



V. JOTHI (empat dari kanan) menerima cenderamata daripada Kasim Mansur pada majlis Malam Budaya India 2012 anjuran pelajar India UMS-KAL di Labuan, Kota Kinabalu, baru-baru ini.

ini," katanya ketika berucap pada majlis Malam Budaya India 2012, di sini baru-baru ini.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (TNC) Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof.

Madya Datuk Dr. Kasim Mansur. Menurut Jothi, bukan sahaja pelajar tempatan dapat mengenali le-

bih dekat budaya India, pengajian malam tersebut dapat dikongsikan bersama dengan pelajar asing yang menuntut di UMS-KAL.

Jelasnya, semangat menganjurkan program seumpama itu bukan sahaja sangat baik dalam mempromosikan budaya kaum India, malah membantu negara membentuk sebuah masyarakat yang menghormati budaya kaum lain.

Katanya, ia selaras dengan usaha kerajaan menjadikan rakyat Malaysia yang lebih bertoleransi dan penyayang di kalangan golongan belia, terutama golongan mahasiswa yang bakal menjadi pemimpin negara di masa depan.

Dalam pada itu, Jothi turut meneru agar golongan mahasiswa tidak terlibat dengan mana-mana aktiviti yang boleh merosakkan masa hadapan mereka, terutama program anjuran pihak tidak bertanggungjawab.

"Ia boleh meracuni pemikiran golongan terpelajar supaya membenci pihak kerajaan. Golongan mahasiswa perlu bijak memilih dan menerima maklumat yang diperoleh, terutama daripada media sosial," katanya.